

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN MK ASSOCIATE SDN BHD

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang sedang di ambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendapatkan hakmilik strata bagi kesemua 400 unit rumah pangsa?
- b) Berapa lamakah masa yang diperlukan bagi mendapatkan kesemua hakmilik strata tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Paya Jaras, siasatan lanjut telah menunjukkan bahawa terdapat dua (2) fasa yang berkaitan dengan projek perumahan ini, iaitu Panggupuri Kos Rendah Fasa 2 (320 unit) dan Fasa 4 (100 unit). Kedua-dua fasa panggupuri kos rendah ini terletak di kawasan Seksyen U20 Bandar Baru Sungai Buloh dan masih belum mengemukakan permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sehingga kini.

Untuk makluman YB juga, pemilik tanah iaitu syarikat M.K. Associates Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Sateras Resources (Malaysia) Berhad) **telahpun digulung pada 5 Disember 2005** melalui Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. Pelantikan D4-21-32-2004 bertarikh 16 Ogos 2010. Oleh yang demikian, penyelesai (*liquidator*) yang telah dilantik adalah Tetuan Aljeffri Dean Chartered Accountants (beroperasi di Georgetown, Pulau Pinang) pada tarikh 16 Ogos 2010. Walaubagaimanapun, siasatan lanjut telah mendapati bahawa projek perumahan ini telah diambil alih oleh syarikat Ultimate Essence Sdn Bhd pada tahun 2012.

- b) Pengeluaran hakmilik strata akan diproses setelah permohonan pengeluaran hakmilik strata dikemukakan oleh pemilik tanah kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Untuk makluman YB, permohonan hakmilik strata hanya boleh dikemukakan sekiranya pemilik tanah (atau pihak yang dilantik) memenuhi kesemua syarat

kelulusan pecah bagi bangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 10 Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2016) (A1518).

Sehubungan itu, tempoh masa yang diperlukan bagi pengeluaran hakmilik strata adalah mengikut tempoh masa berikut:

- i) Tiga puluh (30) hari bagi pengeluaran Sijil Formula Unit Syer oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS);
- ii) Enam puluh (60) hingga Sembilan puluh (90) hari bagi kelulusan dan pengeluaran Sijil Pelan Cadangan Pelan Strata (CPSP) oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM); dan
- iii) Satu ratus (100) hari bagi pemprosesan permohonan Pecah Bahagi Bangunan (PBB), pengeluaran hakmilik baru strata serta pendaftaran hakmilik baru strata.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- i. Pangsapuri Kos Rendah Fasa 2 (nombor hakmilik HSD 198436 PT 5611) berukuran sebesar 19,264 meter persegi yang melibatkan 320 unit kediaman kos rendah ini mempunyai tunggakan cukai tanah sebanyak RM93,928.60 dari tahun 2009 hingga tahun 2017. Kadar cukai tanah tahunan yang dikenakan adalah sebanyak RM5,951.00 sahaja. Surat peringatan untuk membayar cukai tanah telahpun dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling pada 12 Januari 2018.
- ii. Pangsapuri Kos Rendah Fasa 4 (nombor hakmilik HSM 6389 PT 7869) berukuran sebesar 8,243.4 meter persegi yang melibatkan 100 unit kediaman mempunyai tunggakan cukai tanah sebanyak RM1,046,720.78) dari tahun 2001 hingga 2017. Kadar cukai tanah tahunan yang dikenakan adalah sebanyak RM2,680.00 sahaja.
- iii. Selain itu, lot tanah Pangsapuri Kos Rendah Fasa 4 juga masih di dalam status hakmilik sementara dan buat masa ini status tanah masih bertaraf mukim, dan belum dinaiktaraf ke status pekan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor memastikan semua 30,000 kad KISS dikeuarkan memandangkan ada DUN yang tidak ramai permohonan?
- b) Sila nyatakan kad KISS yang telah dikeluarkan mengikut DUN.

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no. 173 dari Ahli Yang Berhormat Tanjung Sepat, soalan no. 178 dari Ahli Yang Berhormat Ijok, soalan no. 145 dari Ahli Yang Berhormat Hulu Kelang, soalan no. 102 dari Ahli Yang Berhormat Selat Kelang, soalan no.113 dari Ahli Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu dan soalan no. 134 dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) ini telah berjaya menarik minat semua pihak di Malaysia yang mana program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam mengiktiraf dan menghargai pengorbanan kaum ibu yang menguruskan, mendidik dan membesarkan anak dalam sesebuah keluarga.

Berdasarkan ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, Program KISS ini bakal memberi manfaat kepada 30,000 orang rakyat Selangor. Bermula saat itu, setiap hari Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN telah didatangi oleh rakyat setempat yang ingin membuat permohonan untuk mendapatkan manfaat program ini. Jelas sekali menunjukkan bahawa bantuan sebegini amat diperlukan oleh rakyat Selangor dalam berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan yang paling penting adalah untuk menjalani kehidupan yang sihat serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera. Namun begitu, keutamaan tetap diberikan kepada kaum ibu yang menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Program KISS ini telah pun dilancarkan pada 22 Januari 2018 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Kampung Permatang, Kuala Selangor. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada rakyat di Selangor kerana nilai manfaat program ini amat besar dan bermakna kepada kaum ibu dalam memenuhi keperluan asas keluarga.

Nilai RM200 dan Barang

Dengan nilai bantuan sebanyak RM200 sebulan daripada Kerajaan Negeri, kaum ibu di Selangor kini boleh membeli barang keperluan asas keluarga secara tanpa tunai (cashless) seperti beras, mi dan bihun, roti, biskut, telur, gula dan garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging (ayam, lembu, kambing), ikan, lampin pakai buang, barang persekolahan, produk tenusu (susu segar, susu tepung, susu sejat, susu pekat manis) dan sabun, kelengkapan mandian serta bahan pencuci.

Proses Pendaftaran Ahli KISS

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membuat permohonan pendaftaran ahli Program KISS ini, pemohon perlu memuat turun borang permohonan di laman web rasmi KISS iaitu di www.kiss.com.my serta melengkapkan borang kerkenaan dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan berkenaan.

Borang yang telah lengkap ini tadi perlulah dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk disemak dan disaring mengikut kelayakan seperti kriteria yang telah ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Selcare Management Sdn Bhd iaitu pengendali program ini untuk proses cetakan kad KISS.

Namun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kad KISS dicetak, perlu dipastikan tiada nama pemohon yang bertindih, dokumen sokongan telah disertakan dan pengesahan borang telah dilakukan. Oleh yang demikian, proses ini akan mengambil sedikit masa yang menyumbang kepada kelewatan pengeluaran kad KISS.

Setelah itu, cetakan kad KISS akan dibuat dan seterusnya dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk diserahkan kepada penama kad KISS yang berkenaan.

Pengaktifan Kad KISS

Bagi pemohon yang telah menerima kad KISS, kad KISS berkenaan perlu diaktifkan sebelum penggunaan dan pembelian dibuat di kedai-kedai panel berdaftar bagi Program KISS ini.

Cara-cara pengaktifan kad boleh di rujuk pada lampiran yang disertakan di dalam surat kad KISS yang diterima.

Kuota Penerima Kad KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada kuota khusus yang ditentukan di setiap DUN. Bilangan penerima Program KISS ini sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam Belanjawan 2018 adalah sebanyak 30,000 orang rakyat Selangor.

Pemberian kad KISS ini kepada penerima manfaat yang berkelayakan telah turut mengambilkira kepadatan penduduk, keluasan dan kemampuan sesebuah kawasan berdasarkan bilangan dan taraf ekonomi penduduk yang terdiri daripada golongan berkemampuan dan kurang atau tidak berkemampuan serta kedudukan mereka sama ada di bandar atau luar bandar.

Serahan Kad KISS

Sehingga 21 Mac 2018, sebanyak 20,081 kad KISS telah diserahkan kepada pemohon yang layak melalui Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor. Ini menunjukkan bahawa sasaran Kerajaan Negeri untuk mendapatkan 30,000 orang penerima telah hampir dicapai hasil kerjasama padu, komitmen dan dedikasi para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat serta para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN yang sentiasa bersedia dan siap siaga dalam menerima kedatangan rakyat untuk mendapatkan maklumat, menerima borang permohonan dan menyaring

permohonan yang diterima untuk dikemukakan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd bagi memastikan rakyat di DUN berkenaan tidak terlepas dalam mendapatkan manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil maklum bahawa terdapat Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN masih belum menerima kad KISS kerana proses sebagaimana yang saya maklumkan sebentar tadi dan semakan yang lebih teliti di samping permohonan yang diterima adalah diluar jangkaan.

Panel Kedai Berdaftar Program KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 21 Mac 2018 sebanyak 235 buah kedai di seluruh Selangor telah berdaftar dengan program KISS ini yang terdiri daripada Kedai Serbaneka 99 Speedmart, kedai-kedai runcit tempatan, kedai Pusat Pakaian Hari-hari dan Pasaraya Giant.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor amat berterima kasih kepada pihak yang sangat prihatin di atas isu-isu Program KISS ini yang mana ianya menunjukkan bahawa program ini sangat istimewa terutamanya kepada kaum ibu sekaligus dapat mengangkat martabat ibu dan wanita yang merupakan faktor penting dalam pembangunan masyarakat dan negeri. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang luar biasa, maka Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian untuk memperluaskan lagi manfaat ini kepada rakyat di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : KESAMARATAAN ELAUN DAN PERUNTUKAN UNTUK KETUA KAMPUNG, KETUA KAMPUNG BARU DAN KETUA KOMUNITI INDIA

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah elaun dan peruntukan Ketua Kampung untuk Kampung Tradisi dan Kampung Baru serta Ketua Komuniti India adalah berbeza?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor terdiri dari sembilan (9) buah daerah dan mempunyai sebanyak **371 buah Kampung Tradisi** yang di tadbir oleh Ketua Kampung Tradisi, **78 buah Kampung Baru** yang ditadbir oleh Ketua Kampung Baru dan **48 buah kawasan komuniti India** yang ditadbir oleh Ketua Komuniti Kaum India.

Pemberian peruntukan elaun kepada ketiga-tiga ketua kampung ini; iaitu Ketua Kampung Tradisi, Ketua Kampung Baru serta Ketua Komuniti India adalah berdasarkan kepada beberapa asas pertimbangan, diantaranya ialah dari segi **bilangan penduduk yang diwakili, tugas dan tanggungjawab, luasnya kawasan pentadbiran dan juga populasi pengundi di sesebuah kawasan**.

Ketua Komuniti India merupakan jentera pentadbiran diperingkat akar umbi untuk membantu Kerajaan Negeri menyalur dan menyampaikan maklumat serta mendapatkan maklumbalas, pendapat dan cadangan bagi permasalahan yang timbul bagi sesebuah lokaliti yang mempunyai kepadatan populasi masyarakat India sahaja.

Sebaliknya, Ketua kampung Tradisi dan juga Ketua kampung Baru, mereka merupakan wakil penduduk dan bertanggung jawab kepada kesemua penduduk kampung tanpa mengira kaum. Bilangan penduduk yang diwakili adalah lebih ramai, tugas dan tanggungjawab yang lebih rencam dengan kawasan pentadbiran yang lebih luas.

Sekiranya terdapat masyarakat India di dalam sesebuah Kampung tradisi atau pun Kampung Baru, Ketua kampung Tradisi atau pun Ketua Kampung Baru perlu turut bertanggungjawab menjaga kemaslahatan dan kebajikan masyarakat India yang berada di dalam kawasan pentadbiran mereka.

Walaupun Ketua kampung Tradisi dan juga Ketua kampung Baru hanya diberikan tugas untuk mengetuai sesebuah kampung, tetapi tanggungjawab menjaga kampung tersebut adalah semakin mencabar dengan keadaan negeri yang semakin membangun dan mendapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya penduduk kampung yang terdedah dengan masalah kemiskinan dan gejala sosial yang semakin berleluasa dikalangan golongan remaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : TINDAKAN DAN KAWALAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TERHADAP PENIAGA-PENIAGA ASING

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmanakah tindakan dan kawalan Kerajaan Negeri Selangor terhadap peniaga-peniaga asing yang terlalu ramai di Pasar Borong Selangor?

JAWAPAN:

Jawapan MPSJ

- i) Pemilihan peniaga di Pasar Borong Selangor adalah di bawah bidang kuasa Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).
- ii) MPSJ hanya melesenkan peniaga warganegara yang telah mendapat penjanjian sewa daripada pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Jawapan PKPS

- i) Kerajaan Negeri Selangor (KNS) menyedari masalah kebanjiran warganegara asing di pasar borong Selangor. Untuk makluman, mereka sebenarnya bukanlah peniaga tetapi adalah pekerja-pekerja yang diambil bekerja dan digaji oleh warganegara tempatan yang berjaya terpilih mendapat lot di Pasar Borong Selangor melalui kriteria dan proses yang ketat seperti berikut:
 - a) Permohonan
 - b) Tapisan dan senarai pendek
 - c) Temuduga, (Jika berjaya, menandatangani perjanjian dengan PKPS Untuk tempoh 2 tahun)
 - d) Permohonan lesen perniagaan kepada (MPSJ).
- ii) KNS telah menubuhskan Jawatankuasa bertindak (Task Force) yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani. Jawatankuasa ini dianggotai bersama oleh Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

sebagai pihak yang menguruskan Pasar Borong Selangor. Mesyuarat terakhir telah diadakan pada 15 Julai 2017.

- iii) Jabatan Imigresen dengan kerjasama agensi penguatkuasa yang lain telah mengadakan operasi bersepada pada 26 Februari 2017.
- iv) Statistik pekerja bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	PEKERJA NEGARA	MENGIKUT	TAHUN 2016 (%)	TAHUN 2017 (%)
1	Malaysia		15 %	39 %
2	Indonesia		23 %	14 %
3	Myanmar		38 %	23 %
4	Bangladesh		12 %	12 %
5	India & lain-lain		12 %	12 %

- v) PKPS turut melaksanakan melakukan bincian pekerja dari semasa ke semasa setiap 4 bulan bagi memastikan pekerja-pekerja warga asing yang diambil bekerja dan digaji oleh peniaga/penyewa lot mempunyai dokumen / permit kerja yang sah di sisi undang-undang Malaysia.
- vi) Di samping melaksanakan pemantauan berterusan PKPS juga akan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa lain dalam usaha membanteras kebanjiran warganegara asing terutamanya tanpa permit yang sah di Pasar Borong Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sebarang masalah di dalam pelaksanaan program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) ini telah berjaya menarik minat semua pihak di Malaysia yang mana program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam mengiktiraf dan menghargai pengorbanan kaum ibu yang menguruskan, mendidik dan membesarakan anak dalam sesebuah keluarga.

Berdasarkan ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, Program KISS ini bakal memberi manfaat kepada 30,000 orang rakyat Selangor. Bermula saat itu, setiap hari Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN telah didatangi oleh rakyat setempat yang ingin membuat permohonan untuk mendapatkan manfaat program ini. Jelas sekali menunjukkan bahawa bantuan sebegini amat diperlukan oleh rakyat Selangor dalam berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan yang paling penting adalah untuk menjalani kehidupan yang sihat serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera. Namun begitu, keutamaan tetap diberikan kepada kaum ibu yang menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Program KISS ini telah pun dilancarkan pada 22 Januari 2018 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Kampung Permatang, Kuala Selangor. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada rakyat di Selangor kerana nilai manfaat program ini amat besar dan bermakna kepada kaum ibu dalam memenuhi keperluan asas keluarga.

Nilai RM200 dan Barang

Dengan nilai bantuan sebanyak RM200 sebulan daripada Kerajaan Negeri, kaum ibu di Selangor kini boleh membeli barang keperluan asas keluarga secara tanpa tunai (cashless) seperti beras, mi dan bihun, roti, biskut, telur, gula dan garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging (ayam, lembu, kambing), ikan, lampin pakai buang, barang persekolahan, produk tenusu (susu segar, susu tepung, susu sejat, susu pekat manis) dan sabun, kelengkapan mandian serta bahan pencuci.

Proses Pendaftaran Ahli KISS

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membuat permohonan pendaftaran ahli Program KISS ini, pemohon perlu memuat turun borang permohonan di laman web rasmi KISS iaitu di www.kiss.com.my serta melengkapkan borang kerkenaan dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan berkenaan.

Borang yang telah lengkap ini tadi perlulah dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk disemak dan disaring mengikut kelayakan seperti kriteria yang telah ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Selcare Management Sdn Bhd iaitu pengendali program ini untuk proses cetakan kad KISS.

Namun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kad KISS dicetak, perlu dipastikan tiada nama pemohon yang bertindih, dokumen sokongan telah disertakan dan pengesahan borang telah dilakukan. Oleh yang demikian, proses ini akan mengambil sedikit masa yang menyumbang kepada kelewatan pengeluaran kad KISS.

Setelah itu, cetakan kad KISS akan dibuat dan seterusnya dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk diserahkan kepada penama kad KISS yang berkenaan.

Pengaktifan Kad KISS

Bagi pemohon yang telah menerima kad KISS, kad KISS berkenaan perlu diaktifkan sebelum penggunaan dan pembelian dibuat di kedai-kedai panel berdaftar bagi Program KISS ini. Cara-cara pengaktifan kad boleh di rujuk pada lampiran yang disertakan di dalam surat kad KISS yang diterima.

Kuota Penerima Kad KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada kuota khusus yang ditentukan di setiap DUN. Bilangan penerima Program KISS ini sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam Belanjawan 2018 adalah sebanyak 30,000 orang rakyat Selangor.

Pemberian kad KISS ini kepada penerima manfaat yang berkelayakan telah turut mengambilkira kepadatan penduduk, keluasan dan kemampuan sesebuah kawasan berdasarkan bilangan dan taraf ekonomi penduduk yang terdiri daripada golongan berkemampuan dan kurang atau tidak berkemampuan serta kedudukan mereka sama ada di bandar atau luar bandar.

Serahan Kad KISS

Sehingga 21 Mac 2018, sebanyak 20,081 kad KISS telah diserahkan kepada pemohon yang layak melalui Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor. Ini menunjukkan bahawa sasaran Kerajaan Negeri untuk mendapatkan 30,000 orang penerima telah hampir dicapai hasil kerjasama padu, komitmen dan dedikasi para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat serta para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN yang sentiasa bersedia dan siap siaga dalam menerima kedatangan rakyat untuk mendapatkan maklumat, menerima borang permohonan dan menyaring permohonan yang diterima untuk dikemukakan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd bagi memastikan rakyat di DUN berkenaan tidak terlepas dalam mendapatkan manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil maklum bahawa terdapat Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN masih belum menerima kad KISS kerana proses sebagaimana yang saya maklumkan sebentar tadi dan semakan yang lebih teliti di samping permohonan yang diterima adalah diluar jangkaan.

Panel Kedai Berdaftar Program KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 21 Mac 2018 sebanyak 235 buah kedai di seluruh Selangor telah berdaftar dengan program KISS ini yang terdiri daripada Kedai Serbaneka 99 Speedmart, kedai-kedai runcit tempatan, kedai Pusat Pakaian Hari-hari dan Pasaraya Giant.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor amat berterima kasih kepada pihak yang sangat prihatin di atas isu-isu Program KISS ini yang mana ianya menunjukkan bahawa program ini sangat istimewa terutamanya kepada kaum ibu sekaligus dapat mengangkat martabat ibu dan wanita yang merupakan faktor penting dalam pembangunan masyarakat dan negeri. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang luar biasa, maka Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian untuk memperluaskan lagi manfaat ini kepada rakyat di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : ISU PERUMAHAN TAMAN PERMATA

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula kawasan ini setelah penduduk berpindah?
- b) Bagaimakah permasalah penduduk yang tidak mahu berpindah akan diselesaikan oleh Kerajaan Negeri?
- c) Apakah Kerajaan Negeri akan bersetuju bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangangkan PPR setelah penduduk berpindah nanti?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Dengkil, tanah tersebut adalah tanah hakmilik yang dikenali sebagai lot 18979 dan telah didaftarkan pada 23 Mac 2004 di bawah Setiausaha Kerajaan Selangor (Perbadanan). Justeru, sebarang bentuk pembangunan adalah tertakluk kepada perancangan pemilik tanah itu sendiri.
- b) & c) dijawab *bersekali*

Mengenai isu penduduk yang tidak mahu berpindah, Kerajaan Negeri telahpun menunaikan obligasinya (MMKN Bil. 21/2013 bertarikh 24 Julai 2013) dengan membuat pengambilan balik tanah, manakala tanggungjawab bagi kos pembinaan rumah teres adalah sepenuhnya ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan iaitu di bawah Persuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan dikawal selia oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) serta perlu mematuhi syarat-syarat teknikal oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri telahpun selesai membayar pampasan terhadap pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan rumah awam kos rendah setingkat serta kemudahan awam ke atas geran 316181, lot 3859 (lot baru 17827) Mukim Dengkil, Daerah Sepang, seluas 30 ekar sebanyak dengan kos RM12,140,580.00 pada 3 November 2014.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju melalui keputusan MMKN Bil. 11/2016 supaya Pentadbir Tanah Sepang mengenakan kadar premium nominal kepada Persuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) seperti yang dipersetujui dalam perbincangan antara pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, berbalik kepada isu penduduk yang tidak mahu berpindah, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa rumah teres yang sepatutnya dibina oleh Kerajaan Persekutuan setakat ini masih belum siap dibina. Kerajaan Negeri percaya isu tersebut tidak akan berbangkit sekiranya rumah yang dijanjikan kepada penduduk siap dan diserahkan kepada penduduk.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL INSURAN PESAWAH PADI

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini Skim tersebut.
- b) Sila kemukakan berapakah jumlah bilangan pesawah Negeri Selangor yang layak menerima perlindungan skim insuran tersebut mengikut pecahan kaum.
- c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka panjang termasuk memberi perlindungan insuran serangan penyakit dan bencana?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Skim Insurans Pesawah yang melibatkan peruntukan berjumlah RM3,306,000.00 kepada sejumlah maksima 10,000 pesawah. Pada ketika ini, proses penerangan tentang faedah dan penggunaan kad insurans tersebut telahpun selesai dilaksanakan serta penghantaran borang pendaftaran pesawah sedang di peringkat akhir untuk dimasukkan ke dalam sistem data sebelum kad pesawah dapat dikeluarkan.
- b) Jumlah keseluruhan pesawah di Negeri Selangor mengikut statistik IADA Barat Laut adalah seramai 9,332 orang yang mengusahakan sawah seluas 18,899 hektar. Dari jumlah tersebut, pecahan pesawah mengikut kaum yang layak untuk memohon bagi mendapatkan perlindungan insurans pesawah adalah seperti berikut :-
 - a. Melayu - 65%
 - b. Cina - 22%
 - c. India - 13%
- c) Kerajaan Negeri sentiasa memandang tinggi akan komitmen golongan pesawah yang berterusan di dalam menyediakan bekalan beras kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu juga, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberikan yang terbaik buat golongan tersebut sebagai contoh pemberian Skim Insuran Pesawah bagi meringankan kos pesawah dari segi penjagaan kesihatan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa skim insurans bagi tanaman jika terjadi serangan penyakit mahupun bencana adalah merupakan sesuatu yang akan diberikan keutamaan memandangkan ianya boleh meringankan beban kerugian jika bencana tersebut terjadi seperti mana serangan penyakit Hawar Daun Bakteria atau *Bacterial Leaf Blight (BLB)* yang melanda pada musim ke 2 tahun 2016 yang lepas. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada lagi mana-mana syarikat insurans yang menyediakan perkhidmatan tersebut berkemungkinan risiko bencana adalah amat tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : LORI SAMPAH KDEB, MBSA, MBPJ MELALUI JALAN-JALAN KAMPOONG DI JALAN ISKANDAR, JALAN KEMPAS KAMPUNG BUKIT KAPAR. BILANGAN LORI YANG BANYAK SERTA MEMBERHENTIKAN DAN MELETAKKAN DI TEPI JALAN BERDEKATAN SIMPANG MENAMBAH RISIKO KESELAMATAN, MEROSAKKAN BAHU JALAN

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tiada disyaratkan laluan lori sampah tidak melalui kawasan penduduk kampung untuk ke pusat pelupusan di Jeram?
- b) Bagaimanakah polisi mesra rakyat dan penguatkuasaan dapat diutamakan untuk memberikan kesejahteraan rakyat?
- c) Apakah halangan bagi menghadkan laluan dan tempoh masa laluan lori ini?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah/Tanah Klang pada tahun 2007 telah membuat pengambilan tanah seluas 112.1887 hektar bagi projek Membina dan Menaiktaraf Jalan Pintas (Pekan Kapar) Melalui Jalan Tap ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram, Klang, Selangor oleh Jabatan Kerja Raya. Jalan ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengelakkan lori sampah melalui jalan-jalan kampung untuk ke tapak pelupusan tersebut. Oleh yang demikian, lori sampah KDEB tidak menggunakan jalan kampung sebaliknya menggunakan jalan pintas tersebut iaitu melalui Jalan Tap ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram, Klang.
- b) Kerajaan Negeri secara dasarnya melalui PBT telah melaksanakan beberapa aspek dalam mewujudkan polisi mesra rakyat dan penguatkuasaan untuk memberikan kesejahteraan rakyat iaitu:
 - i) Mengamalkan pendekatan berhemah dan mesra rakyat dengan menyediakan hebahan jadual kutipan sampah dan sampah pukal serta nama penyelia melalui pemasangan papan tanda di beberapa kawasan yang terlibat;

- ii) Pihak PBT juga mewujudkan media sosial melalui aplikasi internet seperti ‘Whatsapps Group’, ‘Facebook’ sebagai platform hebahan maklumat mengenai pengurusan sisa pepejal sebagai pemakluman kepada kumpulan komuniti;
 - iii) PBT juga mengadakan “Hari Bertemu Pelanggan” serta mengedarkan borang kepuasan pelanggan di kaunter-kaunter tempat pelanggan berurus;
 - iv) Dari segi penguatkuasaan, PBT juga telah meletakkan syarat kepada operator kutipan sampah supaya mematuhi segala arahan seperti jadual kutipan dan laluan lori ke tapak pelupusan dan mematuhi undang-undang jalan raya;
 - v) Operator kutipan sampah juga diingatkan supaya kenderaan kutipan sampah atau lori kompaktor sentiasa bersih dan tidak berbau;
 - vi) Semua kenderaan kutipan sampah / lori kompaktor yang tidak beroperasi mestilah di simpan di tapak simpanan / depoh yang ditetapkan; dan
 - vii) Mewujudkan Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor atau STARS yang kini telah jenamakan baru sebagai Gerbang Aduan Bersepadu Rakyat Selangor melalui alamat portal <http://selangor.spab.gov.my> yang berfungsi untuk menerima pelbagai jenis maklumbalas dalam bentuk aduan, cadangan, pujian, pertanyaan dan teguran di mana ia diuruskan secara elektronik sepenuhnya.
- c) PBT tiada kuasa untuk menghadkan laluan dan tempoh masa laluan lori sampah. Lori kutipan sampah tersebut perlulah menjalankan tugas mengikut jadual tempoh masa yang ditetapkan dan patuh pada undang-undang jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KEMASUKAN SIJIL UEC KE UNISEL

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar menggunakan sijil UEC pada 2017.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik minat pemilik sijil UEC memasuki UNISEL?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, UNISEL masih belum menerima kemasukan pelajar yang menggunakan Sijil UEC.
- b) Iklan kemasukan untuk menarik minat pemilik Sijil UEC telah dibuat tetapi tiada pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah banyak hutang kerajaan Selangor terhadap Persekutuan sekarang?
- b) Berapakah kadar faedah yang perlu dibanyak oleh kerajaan terhadap hutang-hutang ini?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk melangsangkan hutang ini dalam masa terdekat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **31 Disember 2017** adalah berjumlah **RM1,126.39 juta**. Sejumlah 96.30% daripadanya merupakan pinjaman bagi Projek Bekalan Air.

Selain daripada Projek Bekalan Air, pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Amanah Saham Selangor iaitu 2.52%; dan
- (ii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor iaitu 1.18%.
- b) Kadar caj pembiayaan adalah pada kadar 4% setahun. Walau bagaimanapun, pinjaman bagi Projek Bekalan Air tidak dikenakan sebarang caj pembiayaan.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan tahunan juga akan disediakan secukupnya dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.

Perincian bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 yang berjumlah RM29,533,931.67 adalah seperti berikut:

- (i) Projek Perumahan Awam Kos Rendah : RM5,908,650.08;
- (ii) Projek Bekalan Air : RM16,988,199.40;
- (iii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
- (iv) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : AGIHAN PERUNTUKAN KAMPUNG BARU MENGIKUT DUN

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan semua projek Kampung Baru serta nilai sejak 2008 bagi semua DUN.
- b) Apakah kriteria kelulusan diberi untuk sesuatu projek untuk pastikan pembangunan kampung baru berlaku secara adil dan saksama?

JAWAPAN:

- a) Senarai projek pembangunan Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor dari tahun 2009 hingga 2017 bagi semua DUN adalah seperti di lampiran.
- b) Projek-projek Pembangunan Kampung Baru telah diberikan secara adil dan saksama kepada semua Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun diseluruh Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah berusaha untuk memastikan dan memenuhi setiap permohonan pembangunan Kampung Baru yang diterima daripada mana-mana Agensi Kerajaan seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan termasuklah permohonan secara langsung daripada JKKK Kampung Baru agar dapat dilaksanakan.

Kelulusan sesuatu projek diberikan secara adil dan saksama bergantung kepada keperluan dan keutamaan pelaksanaan, tanpa mengira nilai sesuatu projek.

Kriteria kelulusan lain yang dipertimbangkan di dalam sesuatu permohonan projek adalah dari aspek keperluan dan keutamaan yang melibatkan keselamatan penduduk seperti kerosakan akibat bencana alam, kemudahan infrastruktur yang uzur serta ancaman bencana alam dan penyakit.

Pada masa yang sama, setiap permohonan yang diterima akan disemak terlebih dahulu oleh jabatan-jabatan teknikal kerajaan bagi mengelakkan pertindihan kelulusan atau pelaksanaan projek oleh agensi-agensi lain.

SENARAI PROJEK KAMPUNG BARU SERTA NILAI SEJAK 2008 BAGI SEMUA DUN

i. Tahun 2008 (Tiada dalam rekod)

ii. Tahun 2009

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
1	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	Kg. Lim Tan	Membina sebuah taman permainan kanak-kanak di Balai Rakyat Kg. Lim Tan	50,000.00	N14 Rawang
2		Kg. Baru Sungai Terentang	Menaiktaraf pejabat JKKK Kg. Baru Sungai Terentang	16,300.00	
3		Kg. Rajah	Membersih dan membina longkang di Kg. Rajah	19,980.72	
4		Kg. Baru Kundang	Membina longkang di Jalan ST7 dan ST9 Kg. Baru Kundang	55,046.75	N13 Kuang
5		Kg. Baru Stesen Kuang	Membuat pulih longkang konkrit di sekitar kedai-kedai Kg. Baru Stesen Kuang sepanjang kira-kira 75 meter	13,000.00	
6		Kg. Seri Indah	Membuat pulih taman permainan kanak-kanak di Kg. Seri Indah	35,500.00	
7		Kg. Seri Indah	Memasang lampu limpah "spotlight" di gelanggang bola keranjang Kg. Seri Indah	20,046.00	N38 Paya Jaras
8	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	Kg. Baru Tarun Broga	Menaiktaraf kemudahan riadah Jalan Broga di Kg. Baru Tarun Broga	17,160.50	N24 Semenyih

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
9			Menurap halaman sekolah di Kg. Baru Tarun Broga	8,000.00	
10		Kg. Baru Balakong	Menurap semula Jalan KB 2/13 Kg Baru Balakong	7,989.00	N27 Balakong
11			Membina semula dan membersihkan longkang sepanjang 50 meter di hadapan rumah bernombor 283B, Jalan KB 1/8, Kg Baru Balakong	30,000.00	
12		Kg. Kenangan Batu 18	1. Menaiktaraf dan mengubahsuai balai JKKK	25,000.00	N23 Dusun Tua
13			2. Membina sebuah taman permainan kanak-kanak, sebuah gelanggang badminton, sebuah gelanggang ping pong tertutup dan 6 buah kerusi panjang	15,000.00	
14			Membina longkang baru dan melebarkan Jalan Utama yang sempit antara Kg. Sg. Makau dan Kg. Kenangan Bt. 18	43,599.00	
15		Kg. Bukit Angkat	1. Menaiktaraf serta membina longkang di sekitar gelanggang bola keranjang	19,700.00	N25 Kajang
16			2. Membina bangku penonton konkrit bertingkat (3 tingkat) di gelanggang bola keranjang	19,950.00	

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
17	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor		Menaiktaraf jalan ke Lot 19A, Lot 18, Lot 15 dan Lot 14 Kg. Bukit Angkat	25,560.00	
18		Kg. Baru Bt. 9, Cheras	Membaiki longkang-longkang runtuh/rosak/hilang di Kg. Baru Batu 9, Cheras	9,863.25	N26 Bangi
19		Kg. Baru Bangi	Menurap semula jalan rosak di jalan PT31514 ke PT31517 dan di PT31657 ke PT31652, Kg. Baru Bangi	41,031.70	
20		Kg. Kwan Tung Baru	Menurap semula jalan-jalan (Lorong 2,3 dan 5) di Kg. Kwan Tung Baru.	17,590.00	N25 Kajang
21			Menurap semula jalan rosak pada jalan sepanjang Lot 600 dan Lot 601 di Kg. Kwan Tung Baru	35,026.00	
22		Kg. Baru Ampang	1. Menurap semula Jalan 7, Kg. Baru Ampang yang berukuran 76m panjang x 3.5m lebar dengan ketebalan 50mm.	11,484.00	N21 Chempaka
23			2. Membaiki longkang pada Jalan 16, Kg. Baru Ampang sepanjang 39m.	11,053.84	
24	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	Kg. Datuk Harun	Menggantikan longkang tanah dengan longkang simen (panjang 90 kaki x lebar 8 kaki) serta membina paip simen bawah tanah (panjang 140 kaki x lebar 2 kaki) di Lorong 3, Kg. Datuk Harun, Serendah	8,500.00	N07 Batang kali

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
25		Kg. Bkt. Chandang	Kerja-kerja menyelenggara dan membaiki longkang-longkang rosak di Kg. Bkt. Chandang	19,100.00	
26		Kg. Baru Chuang	Kerja-kerja pembaikan pembentungan sungai di Kg. Baru Chuang	20,000.00	N06 Kuala Kubu Baharu
27		Kg. Baru Air Panas	Membina pintu gerbang jenis besi berkrom (<i>stainless steel</i>) di kawasan jalan masuk utama ke Kg. Baru Air Panas	45,270.00	N07 Batang Kali
28		Kg. Baru Asam Kumbang	Membaiki peti elektrik dan kerja penyelenggaraan balai JKKK	3,500.00	N06 Kuala Kubu Baharu
29		Gurney, Hulu Yam Bharu	Memperbaharui longkang berdekatan rumah kediaman No.59A Kg. Baru Gurney	12,108.00	N07 Batang Kali
30		Air Panas, Kerling	Mengubahsuai dan melengkapai peralatan Pejabat JKKK Kg. Baru Air Panas, Kerling	4,590.00	N06 Kuala Kubu Baharu
31		Kg. Baru Damai, Serendah	Membina longkang berdekatan Lot 27A, Kg. Baru Damai, Serendah yang mengandungi:	17,843.75	

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
32		Kg. Baru Damai, Serendah	Membina longkang sepanjang Lot 52A, Kampung Baru Damai, Serendah yang mengandungi:	13,986.40	
33		Kg. Datuk Harun	Menaiktaraf dan membaik pulih longkang yang telah rosak berhampiran Kuil Sikh, Pekan Serendah	14,988.40	
34	MPKJ	Kg. Bukit Angkat	Menaiktaraf jalan ke Lot 19A, Lot 18, Lot 15 dan Lot 14 Kg. Bukit Angkat	25,560.00	N25 Kajang
35	Pejabat Daerah/Tanah Klang	Kg. Baru Pandamaran	Menaiktaraf dan mengubahsuai gelanggang bola keranjang di Kg. Baru Pandamaran	40,000.00	N46 Pelabuhan Klang
36		Kg. Baru Pandamaran	Menaiktaraf Dewan JKKK Kg. Baru Pandamaran	9,000.00	
37		Bagan Hailam	Menaiktaraf Medan Perhimpunan di hadapan SJK(C) Wu Teck, Bagan Hylam yang pada asalnya diperbuat daripada kayu kepada konkrit	120,000.00	N45 Selat Klang
38		Kg. Bagan Pulau Ketam	Membina "enclosing banister" di sekeliling seluruh laluan pejalan kaki dalam Kg. Bagan Pulau Ketam	50,000.00	
39	Tanah/Daerah Kuala Selangor	Kg. Tiram Setia	Membina 'interlocking walkway' dan membaiki taman permainan kanak-kanak di Kg. Tiram Setia	20,000.00	N11 Ijok

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
40		Kampung Bagan Sg. Kajang	Membaiki jalan tar di Kampung Bagan Sg. Kajang	2,000.00	N08 Sungai Burong
41		Kg. Bagan Sungai Yu Baru	Menaiktaraf jalan pelantar di Kg. Bagan Sungai Yu Baru	3,000.00	
42		Kg. Bagan Tengkorak	Menggantikan jambatan lama kepada jambatan konkrit di Kg. Bagan Tengkorak	126,548.57	
43		Kg. Bagan Sg. Yu Baru	Menggantikan pelantar kayu yang reput dengan pelantar konkrit di Kg. Bagan Sg. Yu Baru	15,085.67	
44		Kg. Bagan Sg. Kajang	Membuat jalan premix di kawasan Kg. Bagan Sg. Kajang	34,998.00	
45		Kg. Bagan Sasaran	Kerja-kerja membaiki jalan masuk di Kg. Bagan Sasaran	16,860.90	N10 Bukit Melawati
46		Bagan Sungai Yu Baru	Menaiktaraf jalan di Kg. Bagan Sungai Yu Baru (Jalan 1 dan Jalan 2)	32,337.52	N08 Sungai Burong
47		Bagan Sg. Tengkorak	Membina balai raya JKJK (Kontena)	12,000.00	
48		Bagan Pasir	Membaiki jalan tar di Bagan Pasir	5,000.00	
49		Kg. Baru Tiram Setia	Membaiki longkang di Lorong 1, Lorong 3, Lorong 4 dan Lorong 5, Kg. Baru Tiram Setia. (V-shape 2 ^{1/2} kira-kira 26 meter dan U-shape 1 ^{1/2} kira-kira 225 meter)	29,997.87	

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
50		Bagan Pasir Penambang	Membaiik pulih longkang rosak di Jalan Bagan Pasir Penambang	35,026.11	N09 Permatang
51		Bagan Sg. Yu Baru	Tambahan peruntukan bagi menyempurnakan jalan konkrit (cat-walk) Kg. Bagan Sg. Yu Baru	14,860.86	
52		Bagan Pasir Penambang	Membaiik pulih jambatan konkrit di Bagan Pasir Penambang	39,999.74	
53		Bagan Sg. Tengkorak	Membuat papan tanda Bagan Sg. Tengkorak	2,000.00	
54	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	Kg. Baru Sg. Jarom	Membaiikpulih Balai JKJK Kg. Baru Sg. Jarom	5,000.00	N52 Telok Datok
55		Kg. Baru Sg. Jarom	Membina pintu gerbang di Kg. Baru Sg. Jarom	10,000.00	
56		Kg. Bagan Teluk Rhu	Membaiikpulih bangunan JKJK di Kg. Bagan Teluk Rhu	16,249.40	
57	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	Kg. Bagan Sg. Burong	Membina laluan pejalan kaki/motorsikal di Kg. Bagan Sg. Burong	350,000.00	N08 Sungai Burong
58		Kg. Baru Sekinchan Site 'A'	Membina papan tanda baru di Kg. Baru Sekinchan Site 'A'	5,000.00	N04 Sekinchan
59		Kg. Baru Sekinchan Site 'B'	Membina papan tanda baru di Kg. Baru Sekinchan Site 'B'	2,500.00	
60		Kg. Baru Sekinchan Site 'C'	Membina papan tanda baru di Kg. Baru Sekinchan Site 'C'	2,500.00	
61		Kg.Bagan Sekinchan	Membina papan tanda baru di Kg.Bagan Sekinchan	2,500.00	

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
62	-	Kg. Site C Sekinchan	Membina balairaya berukuran 12m x 7.3 di Kg. Site C Sekinchan	70,000.00	
63		Bagan Sg. Besar	Menambak tempat letak kereta di Jalan 7, Bagan Sg. Besar	62,100.00	N03 Sungai Panjang
64		Simpang Bagan Nakhoda Omar	Membina laluan pejalan kaki sepanjang 141 meter	92,230.06	N01 Sungai Air Tawar
65		Bagan Teluk Rhu	Membina jambatan di Bagan Teluk Rhu	283,857.45	
66		Simpang, Bagan Nakhoda Omar	Membina balairaya dan kelengkapan peralatan Kampung Bagan, Simpang Empat, BNO	78,900.00	
67		Bagan Sg. Pulai	Membaiki dan menurap premix dengan ukuran 2.2m x 60m di Lorong 2, Seberang Bagan, Bagan Sungai Pulai	19,500.00	N02 Sabak
68		Bagan Sg. Pulai	Membaiki dan menurap premix dengan ukuran 2.5m x 60m di Lorong Rumah Sidang, Bagan Sungai Pulai	19,800.00	
69		Bagan Sg. Pulai	Membina jambatan di Jalan 7 Bagan Sg. Besar (33m x 2m)	111,973.00	
70		Kg. Baru Site 'B' Sekinchan	Mengecat dan membaik pulih Dewan JKKK Kg. Site B Sekinchan	17,729.00	N04 Sekinchan
71		Sg. Pulai	Menggantikan jambatan 'cat walk' kayu yang uzur kepada jambatan konkrit dengan ukuran 1.6m x 200m panjang di Bagan Sg. Pulai	125,837.00	N02 Sabak

BIL	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	DUN
72	PDT Petaling	Kg. Baru Seri	Membina jalan baru dan kerja-kerja lain yang bersangkutan di Jalan 17A/12 Kg. Baru Seri Damansara	116,870.00	N39 Kota Damansara
73		Kg. Baru Seri Sg. Buloh	Membaiik pulih taman permainan Kg. Baru Seri Sg. Buloh	30,085.00	N38 Paya Jaras
74		Kg. Baru Seri Sg. Buloh	Membaiiki jalan kampung Kg. Baru Seri Sg. Buloh depan kilang	36,300.00	
75		Kg. Baru Seri Subang	Membina longkang di Jalan 1A Kg. Baru Seri Subang	83,200.00	N39 Kota Damansara
76		Kg. Baru Seri Setia (Sg.Way)	Projek menaiktaraf kemudahan infrastruktur di Kampung Baru Seri Setia (Sg.Way)	25,000.00	N32 Seri Setia
77	MPSJ	Kg. Baru Seri Kembangan	Membina sebuah pintu gerbang ‘Pasar Rakyat Seri Kembangan’ di Lot 1808 / Lot 1809, Mukim Petaling, Daerah Petaling (Jalan 6/1 Seri Kembangan)	44,163.56	N28 Seri Kembangan
78		Kg. Baru Seri Kembangan	Menaiktaraf gelanggang bola keranjang di Jalan SK 8/1, Seri Kembangan kepada gelanggang berbumbung	175,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				3,128,337.02	

iii. Tahun 2010

Bil	Agensi Pelaksana	Kampung	Projek	Peruntukan (RM)	DUN
1	PDT KLANG	Kg. Bagan Hylam	Memasang jaring burung di sekeliling seluruh Balai JKKK	43,018.28	Selat Klang (N45)
2		Kg. Baru Pandamaran	Pembersihan kawasan Jalan Papan, Pandamaran	35,000.00	Pendamaran (N47)
